

Wujudkan kerjasama Pasifik — Dr. M

Oleh
WAHID HASHIM

KUALA LUMPUR 22 Mac — Malaysia mahu diwujudkan satu Pax Pacifica (kerjasama Pasifik) yang berpegang kepada prinsip sama rata, bukannya perluasan kuasa dan pengaruh oleh negara-negara besar ke atas yang kecil.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, sebuah Wilayah Pasifik tanpa sempadan perdagangan dan campur tangan atau pengaruh daripada sebarang kuasa besar perlu diwujudkan dengan apa cara sekalipun.

"Saya ingin menjelaskan bahawa Malaysia tidak akan menerima sama ada Pax Sinica (China), Pax Nipponica (Jepun) atau Pax Americana (Amerika), pada masa sekarang atau pada masa-masa akan datang.

"Malaysia percaya kepada pembentukan sebuah Pax Pacifica (Pasifik), sebuah kerjasama tanpa pemerintah mutlak, tanpa pelindung atau seorang ketua. Kami percaya kepada masyarakat sama rata," kata beliau.

"Adalah jelas China bukanlah Canada atau Chile dan Jepun bukanlah Hong Kong atau Mexico," tegasnya.

Perdana Menteri menegaskan demikian semasa menyampaikan ucapan dasar yang panjang lebar pada hari pertama Mesyuarat Agung Antarabangsa Ke-10 Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) di sini hari ini.

Mesyuarat peringkat tinggi selama tiga hari itu dihadiri oleh beberapa orang ketua kerajaan dan pemimpin negara-negara kawasan Pasifik, pemimpin sektor swasta serta ahli-ahli akademik rantau ini.

Perdana Menteri turut menekankan bahawa Malaysia sentiasa berpegang kepada prinsip dan matlamat asalnya iaitu memastikan masyarakat Pasifik perlu sebuah ekonomi serantau yang

23 MAR 1994
terbuka, disulami dengan rasa hormat menghormati antara satu sama lain, dan bukannya masyarakat Pasifik yang hegemoni.

Beliau berkata, negara-negara Pasifik pernah dilihat sebagaimana negara-negara Afrika hari ini iaitu sebagai sebuah ekonomi yang mempunyai sedikit harapan masa depan.

"Kita pernah dilihat sebagai domino ataupun bakal domino, yang dikatakan mempunyai masa depan ekonomi yang gelap, ditekan oleh masalah-masalah yang tidak boleh diselesaikan, mempunyai kebudayaan yang menekan masyarakatnya sendiri serta pelbagai kecacatan lain yang menyebabkan banyak negara akan terpaksa meminta sedekah.

"Bagaimanapun, keadaan tersebut telah berubah di mana tiba-tiba pada hari ini negara-negara Pasifik dianggap sebagai dinamamo," tambahnya.

Menurutnya, negara-negara yang mewakili Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik (PECC) mempunyai jumlah Keluaran Negara Kasar (GNP) berjumlah AS\$12 trilion.

Jumlah tersebut adalah dua kali ganda daripada GNP keseluruhan Kesatuan Eropah.

Tambah beliau, dilihat daripada kuasa membeli pariti pula, beberapa buah negara Pasifik telah menunjukkan kemampuan yang menakjubkan, misalnya, China adalah kuasa ekonomi kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat sementara Jepun berada di tempat ketiga dan Indonesia berada di tempat ke-12.

"Bayangkanlah sekiranya segenap kekayaan yang melimpah ruah dari negara-negara Pasifik, semangat yang tinggi, kepelbagaian sumber serta bakat kita disatukan - untuk diri kita dan kepentingan dunia keseluruhannya - kita akan membentuk satu masyarakat yang benar-benar bekerjasama," kata beliau.